

GOLONGAN KATA TUGAS

Standard Pembelajaran

5.2.4 Mengenal pasti dan menggunakan golongan kata tugas dengan betul mengikut konteks.

Kata Tugas

Kata Penyambung Ayat Kata penyambung ialah kata yang menyambungkan ayat.	Kata Praklausa Kata praklausa ialah kata tugas yang digunakan pada awal klausa atau ayat.	Kata Prafrasa Kata prafrasa ialah kata tugas yang hadir pada awal frasa.	Kata Pascakata Kata pascakata ialah kata tugas yang hadir pada selepas frasa.
<u>Kata hubung gabungan</u> dan, atau, lalu, serta, sambil, selain, di samping, kemudian, akhirnya <u>Kata hubung pancangan relatif</u> yang <u>Kata hubung pancangan komplemen</u> bahawa, untuk <u>Kata hubung pancangan keterangan</u> kerana, hingga, sekiranya, sejak, walaupun, supaya, dengan, demi, umpama <u>Kata hubung berpasangan</u> sungguhpun .. tetapi, jangan ... pun, baik ... ataupun, bukan sahaja ... tetapi juga, entah ... entah, makin .. makin	<u>Kata seru</u> wah, amboi, cis, aduh, aduhai, eh, oh, tahniah, wahai <u>Kata tanya</u> apa, siapa, mana, bagaimana, mengapa, bila <u>Kata perintah</u> jangan, usah, tak usah, tolong, minta, harap, sila, jemput, ambilkan, jemurlah <u>Kata pembenar</u> ya, benar, betul <u>Kata pangkal ayat</u> maka, hatta, kalakian, syahadan, alkisah, adapun, sebermula, arakian	<u>Kata sendi nama</u> di, ke, dari, pada, kepada, daripada, oleh, sejak <u>Kata pemer</u> ialah, adalah <u>Kata nafi</u> bukan, tidak <u>Kata arah</u> atas, kiri, sudut, luar, selatan <u>Kata bilangan</u> semua, segelintir, satu, tiap-tiap, berguni-guni <u>Kata penegas</u> -kah, -tah, -lah, juga, pula <u>Kata bantu</u> akan, sedang, perlu, boleh <u>Kata penguat</u> paling, sekali, nian, benar, amat, sungguh, sungguh	<u>Kata penekan</u> sesungguhnya, nampaknya, bahawasanya <u>Kata pembenda</u> perginya, tingginya, pantasya [kata pembenda ialah kata yang menjadikan bukan kata nama kepada kata nama] 

KESALAHAN LAZIM PENGGUNAAN KATA TUGAS

Salah	Betul
Statistik kemalangan jalan raya menunjukkan yang berlakunya peningkatan pada hari raya.	Statistik kemalangan jalan raya menunjukkan bahawa berlakunya peningkatan pada hari raya.
Amira akan menyertai perkhemahan itu jika sekiranya diizinkan oleh kedua-dua ibu bapanya.	Amira akan menyertai perkhemahan itu jika / sekiranya diizinkan oleh kedua-dua ibu bapanya.
Siapa yang akan mengikuti lawatan sambil belajar itu?	Siapakah yang akan mengikuti lawatan sambil belajar itu?
Tolong jangan pijak rumput yang baru ditanam ini.	Jangan pijak rumput yang baru ditanam ini.
Melaka pernah menjadi tumpuan pedagang di seluruh dunia di zaman kegemilangannya.	Melaka pernah menjadi tumpuan pedagang di seluruh dunia pada zaman kegemilangannya.
Anai-anai adalah sejenis serangga perosak.	Anai-anai ialah sejenis serangga perosak.
Buku itu mempunyai berbagai jenis resipi lauk tradisional.	Buku itu mempunyai berbagai-bagai / pelbagai jenis resipi lauk tradisional.
Ah Lim paling bijak sekali dalam subjek Matematik di dalam kelas kami.	Ah Lim paling bijak / bijak sekali dalam subjek Matematik di dalam kelas kami.

Latihan 1

Baca petikan di bawah, kemudian isikan tempat kosong dengan kata tugas yang sesuai.

**bahawa
telah
tengah**

**tetapi
pada
sangat**

**supaya
tidak
untuk**

**beberapa
yang
dan**

**kerana
akan
demi**

(1)_____ suatu pagi di Singapura, nelayan mula pergi ke pantai untuk menangkap ikan tetapi orang di situ mula lari ke (2)_____ daratan. (3)_____ ekor ikan todak mula menyerang Singapura. Ramai orang di situ mula melarikan diri (4)_____ ada orang yang tersungkur kerana ditikam seekor ikan todak. Seorang (5)_____ seorang tersungkur dan ikan todak yang banyaknya terus menyerang sana sini. Peristiwa itu (6)_____ memeranjatkan Raja Singapura kerana ramai rakyat di situ telah terkorban. Sepantas kilat, Raja Singapura segera mengarahkan pengawalnya menyediakan seekor gajah tunggangan raja dan terus ke tempat kejadian. Maka Raja Singapura mengarahkan orang yang ada di situ terus ke pantai (7)_____ berbaris namun usahanya gagal (8)_____ lebih ramai yang terkorban.

Ada seorang budak berusia 10 tahun (9)_____ bijaksana bernama Hang Nadim. Dia terus pergi untuk menghadap raja yang berdiri di situ. Hang Nadim mencadangkan (10)_____ batang pisang dibariskan untuk dijadikan kubu. Akhirnya baginda mengarahkan orang untuk mencari batang pisang. Ikan todak yang menyerang telah melekat pada batang pisang. Baginda (11)_____ memuji kejayaan Hang Nadim menumpaskan ikan tolak lalu baginda menjemput Hang Nadim ke istana untuk menerima anugerah. Sementara itu, pembesar di istana (12)_____ suka dengan Hang Nadim kerana mereka berpendapat budak itu (13)_____ merampas kuasa baginda apabila besar nanti. Raja Singapura telah mengarahkan pembesar (14)_____ membatalkan istiadat penganugerahan (15)_____ digantikan dengan pelaksanaan hukuman bunuh. Hang Nadim telah dibunuh kerana kebijaksanaannya.

Dipetik dan diubah suai daripada 'Singapura dilanggar todak'
www.penasaster.blogspot.com

Latihan 2

Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan **dua kata hubung** dan **dua kata sendi nama**. Kemudian anda dikehendaki membina **satu ayat anda sendiri** daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Kubu Magherita ialah kubu berwarna putih yang terletak di Kuching, Sarawak ini telah siap dibina dengan reka bentuk istana lama Inggeris pada tahun 1879 oleh Sir Charles Brooke dan diberikan nama sempena nama isterinya, Margaret Brooke. Kubu ini dibina untuk menjadi lambang kestabilan kerajaan dan kekuatannya. Bangunan yang terletak di atas bukit ini menyajikan pemandangan yang luas ke semua arah di kawasan sekitarnya. Kubu ini menjadi monumen paling signifikan kepada bandar raya Kuching dari sudut sejarah, reka bentuk dan pelancongan.

Dipetik dan diubah suai daripada 'Jom terokai monumen bersejarah di negara kita'
oleh Hamizah Basir, *Sinar Harian*, 10 Februari 2020

[8 markah]

Dua kata hubung

1. _____
2. _____

Dua kata sendi nama

1. _____
2. _____

Ayat kata hubung

1. _____
2. _____

Ayat kata sendi nama

1. _____
2. _____

JAWAPAN

Latihan 1

(1)**Pada** suatu pagi di Singapura, nelayan mula pergi ke pantai untuk menangkap ikan tetapi orang di situ mula lari ke (2)**tengah** daratan. (3)**Beberapa** ekor ikan todak mula menyerang Singapura. Ramai orang di situ mula melarikan diri (4)**tetapi** ada orang yang tersungkur kerana ditikam seekor ikan todak. Seorang (5)**demi** seorang tersungkur dan ikan todak yang banyaknya terus menyerang sana sini. Peristiwa itu (6)**sangat** memeranjatkan Raja Singapura kerana ramai rakyat di situ telah terkorban. Sepantas kilat, Raja Singapura segera mengarahkan pengawalnya menyediakan seekor gajah tunggangan raja dan terus ke tempat kejadian. Maka Raja Singapura mengarahkan orang yang ada di situ terus ke pantai (7)**untuk** berbaris namun usahanya gagal (8)**kerana** lebih ramai yang terkorban.

Ada seorang budak berusia 10 tahun (9)**yang** bijaksana bernama Hang Nadim. Dia terus pergi untuk menghadap raja yang berdiri di situ. Hang Nadim mencadangkan (10)**bahawa** batang pisang dibariskan untuk dijadikan kubu. Akhirnya baginda mengarahkan orang untuk mencari batang pisang. Ikan todak yang menyerang telah melekat pada batang pisang. Baginda (11)**telah** memuji kejayaan Hang Nadim menumpaskan ikan tolak lalu baginda menjemput Hang Nadim ke istana untuk menerima anugerah. Sementara itu, pembesar di istana (12)**tidak** suka dengan Hang Nadim kerana mereka berpendapat budak itu (13)**akan** merampas kuasa baginda apabila besar nanti. Raja Singapura telah mengarahkan pembesar (14)**supaya** membatalkan istiadat penganugerahan (15)**dan** digantikan dengan pelaksanaan hukuman bunuh. Hang Nadim telah dibunuh kerana kebijaksanaannya.

Dipetik dan diubah suai daripada 'Singapura dilanggar todak'

www.penasaster.blogspot.com

Latihan 2

Kata hubung [**pilih dua sahaja**]

1. yang
2. dan
3. untuk
4. serta

Ayat kata kerja

1. Filem yang menentang tema peperangan itu telah mendapat pengiktirafan banyak negara.
2. Pembakaran terbuka, penggunaan kenderaan berplumbum dan pembebasan asap kilang menyebabkan masalah jerebu.
3. Pemeriksaan kesihatan perlulah dilakukan secara berkala untuk melihat tahap kesihatan diri.
4. Cikgu Mastura dan Cikgu Mahadir serta tiga orang pegawai kesihatan meronda di kawasan sekolah untuk memastikan tiada tempat pembiakan nyamuk aedes.

Kata sendi nama [**pilih dua sahaja**]

1. di
2. dengan
3. pada
4. oleh
5. kepada
6. dari

Ayat kata sendi nama

1. Banjir besar di Johor pada tahun 2006 ialah kejadian yang paling teruk dalam sejarah negara hingga menenggelamkan banyak tempat.
2. Aini pergi ke sekolah pada setiap pagi dengan adiknya menggunakan basikal masing-masing.
3. Masyarakat pada zaman dahulu menghasilkan kraf tangan seperti tikar, tembikar dan bakul untuk kegunaan harian.
4. Sampah sarap yang berlonggok-longgok itu telah dibersihkan oleh pekerja swasta setelah aduan dibuat.
5. Surat peletakan jawatan itu akan diserahkan oleh Puan Nazaliah kepada majikannya setelah mendapat kerja baharu.
6. Pelancong dari China itu teruja untuk mencanting batik apabila berkunjung ke tempat penghasilan batik di Terengganu.